

## **Amalan Tradisi Masyarakat Bajau di Semporna Sabah: Kajian Menurut Hukum Islam**

*The Traditional Practices of Bajau Community in Semporna Sabah:  
According to Islamic Law Review*

**Syamsul Azizul Marinsah, Mohammad Naqib Hamdan,  
Mohd Farhan Md Ariffin & Mohd Anuar Ramli**

*Universiti Malaya  
e-mail: kehak@yahoo.com*

### **Abstrak**

Adat dan `urf merupakan salah satu elemen budaya universal yang dimiliki oleh semua masyarakat di dunia. Etnik Bajau merupakan kaum bumiputera kedua terbesar di Sabah. Majoritinya beragama Islam dan mengamalkan adat dan `urf yang tersendiri. Penerimaan orang Bajau terhadap ajaran Islam menyebabkan berlakunya percampuran antara adat tradisi Bajau dengan ajaran Islam yang menyebabkan berlakunya proses sinkretisme. Akibatnya, ada antara amalan yang diwarisi secara turun temurun itu dianggap sebagai ajaran Islam, sedangkan ia hanyalah amalan yang diwarisi dan tidak berkaitan dengan dalil yang jelas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis sama ada adat dan `urf masyarakat Bajau selari dengan tuntutan Syariat Islam ataupun ia tersasar dari landasan Syarak. Kajian ini memfokuskan terhadap amalan tradisi yang berkait rapat dengan sistem kepercayaan masyarakat Bajau di Semporna. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui observasi, temu bual dan analisis data. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa dalam amalan masyarakat Bajau terdapat banyak unsur sinkretisme antara ajaran Islam dengan adat tradisi. Justeru, artikel ini akan menyingkap kedudukan amalan yang sering dianggap ibadah oleh masyarakat setempat agar garis pemisah yang jelas dapat digalurkan antara amalan yang selari dengan Syariat Islam dan yang bertentangan dengannya.

**Kata kunci:** Amalan Tradisi, Sinkretisme, Bajau, Syariat Islam

### **Abstract**

*Customs and `urf is one of the elements of universal culture of all communities in the world. The Bajaus is the second largest ethnic group in Sabah. Majority of them are Muslims and practice their own unique customs and `urf. The acceptance of Islam has caused some assimilation between the Bajaus traditions and Islamic teaching which then led to syncretism. Consequently, some of the practices are regarded as a part of Islamic teachings even though, these practices are actually inherited from their ancestors that are unrelated to Islamic rules provided in the Qur'an and prophetic traditions. The purpose of this study is to analyze whether the Bajau customs and `urf are in line with Islamic teachings. This study focuses on practices of their beliefs. This is a qualitative study which adopts observation, interviews and data analysis. The finding of this study shows that syncretism occurred among the Bajau community. In light to this, the status of the ritual practiced by Bajau community is analyzed to determine whether it is in line with Islamic principles so that there is a clear guidance on the particular matter.*

**Keywords:** Traditions, Syncretism, Bajau, Islamic, Shari'ah.

## Pendahuluan

Majoriti masyarakat dalam dunia ini mempunyai pelbagai bentuk amalan tradisi masing-masing sama ada yang bercorak tradisional ataupun yang telah berubah mengikut peredaran zaman. Segala perubahan itu bukan atas dasar generasi muda melupakan generasi tua atau sebaliknya tetapi disebabkan pengaruh agama yang telah mengubah segala anutan dan kepercayaan mereka. Tidak semua adat atau budaya yang diketengahkan oleh generasi tua ditinggalkan, malah masih wujud pelapis generasi mereka yang masih mengamalkan ritual, kepercayaan dan adat tertentu untuk kelangsungan hidup bermasyarakat. Adat dan budaya ini dilestarikan untuk mengelakkan diri daripada ditimpa kesengsaraan disebabkan pelanggaran arahan nenek moyang. Dalam menempuh kepesatan dan kemajuan, peranan tradisi masih lagi dianggap sebagai suatu kemestian.

Orang Bajau kaya dengan adat resam yang diwarisi secara lisan daripada nenek moyang turun-temurun hingga ke hari ini. Interaksi orang Bajau dengan ajaran Islam menyebabkan berlakunya percampuran antara adat tradisi Bajau dengan ajaran Islam (Syamsul Azizul, 2013:2). Akibat percampuran ini, ada antara amalan yang diwarisi secara turun temurun itu dianggap sebagai ajaran Islam, sedangkan ia hanya amalan yang diwarisi dan tiada sandaran dalam ajaran Islam. Selain itu, terdapat amalan yang ditokok tambah dalam amalan orang Bajau, dikhuatiri menjadi perkara yang boleh merosakkan akidah Islam, terutama yang berkaitan dengan kepercayaan tertentu seperti kepercayaan kepada semangat roh nenek moyang, bomoh, pengamalan ilmu kebal, ilmu tilik dan sebagainya (Yap Beng Liang, 1993: 126-163). Sebagai masyarakat Bajau yang menganut agama Islam, adalah penting untuk memastikan segala amalan dan perbuatan mereka bertepatan dengan tuntutan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Segelintir daripada orang Bajau yang lazimnya diketuai oleh orang tua (pemuka adat) menganalisis perkara yang berhubung dengan adat menurut kaca mata mereka, sehingga lahirlah tafsiran yang salah dan mengelirukan orang awam hatta ada yang percaya kepada tafsiran yang salah tersebut (Temu bual Tuan Hj. Kassim, 4 Oktober 2014). Majoriti daripada mereka salah faham terhadap amalan yang mereka lakukan dengan mengaitkan kewujudannya dalam Islam sedangkan ia sebaliknya. Jika masalah ini dibiarkan berterusan, maka implikasi negatifnya iaitu campur aduk antara ajaran Islam dan adat tradisi Bajau akan berterusan sehingga sukar dibezakan antara ajaran Islam yang tulen dengan ajaran hasil adaptasi dari ajaran pra-Islam yang bercanggah dengan Syarak. Lebih dikhuatiri lagi apabila golongan tersebut mendakwa perkara yang ditafsirkan dan dijelaskan oleh mereka atau nenek moyang adalah mengikut panduan al-Qur'an dan al-Sunnah. Hal seperti ini termasuk dalam golongan orang mendustakan Rasulullah SAW dan mereka ini mendapat tempat yang buruk di akhirat kelak seperti yang terdapat dalam hadis sahih. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan Imam al-Bukhari:

من كذب على متعمدا فليتبوا مقعده من النار

Maksudnya: “Barangsiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja, maka tempatnya dalam neraka”.

(al-Bukhari (1999), kitab *al-'Ilm*, Bab *Ismun Man Kadhdhaba 'ala al-Nabi*, No. Hadis:107, 24).

### **'Urf Fasid Dalam Amalan Tradisi Masyarakat Bajau**

Secara etimologinya perkataan *'urf* berasal dari perkataan Arab *'arafa* yang bererti mengetahui (Ibn Manzur, 1990: 239). Al-Jurjani dalam kamus istilahnya *al-Ta'rifat*, menjelaskan istilah *'urf* sebagai perbuatan atau kepercayaan yang mana orang berpegang teguh dengan persetujuan kekuatan mental dan tabiat semula jadi mereka juga mahu menerimanya sebagai benar (Al-Jurjani, 1984: 193). Dalam perbincangan ulama, ada beberapa ulama yang menyamakan antara istilah *'urf* dan adat dan terdapat juga yang membezakannya (Abd. Latif, 2012:105). Dari segi aspek baik buruk, *'urf* dapat dibahagikan kepada

'urf *sahih* dan 'urf *fasid*. 'Urf *sahih* merupakan amalan yang baik dan tidak bertentangan dengan Syariat Islam, manakala 'urf *fasid* adalah amalan yang tidak baik dan bertentangan dengan Syariat Islam ( al-Zuhayli, 2010: 836).

Dalam kajian ini, pengkaji hanya membincangkan tentang 'urf *fasid* sahaja. Perbincangan ini adalah tidak lengkap tanpa memperlihatkan elemen tertentu yang mewarnai alam masyarakat Bajau sehingga wujud pembentukan budaya dan adat yang bertaut erat dalam kosmologi Bajau (Halina Sendera, 2013:184-192). Secara umumnya, banyak aspek dalam 'urf Bajau berubah setelah kedatangan Islam, namun tidak dinafikan masih ada amalan tradisi yang mereka kekalkan hingga ke hari ini. 'Urf *fasid* muncul dalam kosmologi dan pemikiran orang Bajau kerana beberapa faktor utama iaitu: pertama, hasil adunan pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan Barat. Kedua, amalan khurafat atau karut serta tahyul dan ketiga, unsur *bid'ah* yang diamalkan.

Justeru, 'urf *fasid* merangkumi antara lain perkara khurafat, tahyul dan *bid'ah*. Khurafat dan tahyul jelas kelihatan membawa kepada syirik terhadap Allah SWT tetapi *bid'ah* adalah perbuatan yang samar dan sia-sia tanpa pahala dari Allah SWT. Ia menyentuh sama ada aspek ibadat, kepercayaan, adat dan lain-lain (al-Syatibi, 2003: 28). Lantaran itu, dalam perbincangan seterusnya, pengkaji akan menganalisis beberapa amalan tradisi Bajau menurut perspektif hukum Islam. Pengkaji akan memberikan beberapa dalil yang sahih daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang menyokong serta menegah amalan ini agar kedudukan sebenar amalan tradisi ini tersingkap sama ada ia menurut syariat Islam atau sebaliknya. Antara amalan tradisi yang masih diamalkan oleh orang Bajau hingga ke hari ini ialah:

#### **i. Kepercayaan Kepada Jin dan Orang yang Berjin**

Orang Bajau terpengaruh dengan kuasa ghaib yang dikaitkan dengan kuasa jin, syaitan dan iblis. Walau bagaimanapun, kepercayaan orang Bajau terhadap jin ini terpesong dari kefahaman yang tulen menurut syariat Islam. Pada asasnya, kepercayaan kepada jin merupakan satu kewajipan kepada manusia. Hal ini kerana jin merupakan makhluk ghaib yang sering diperkatakan Allah SWT dalam kalam-Nya al-Qur'an al-Karim. Sekiranya kita merujuk kepada al-Qur'an dan hadis Nabi Muhammad SAW, kita akan menemui istilah yang seumpama dengan jin iaitu syaitan atau *syayatin*, jin atau *jinnah*, *qarin*, *iblis*, *ifrit*, dan sebagainya (Haron Din, 2009: 3). Menurut masyarakat Arab pula, sering kedengaran pula istilah seperti *Ummu Sibyan*, *Aamir*, *Ammar*, *Arwah*, *Ifrit* dan seumpamanya (al-Suyuti. 1998:15-16). Semua istilah ini sama ada yang terdapat di dalam al-Qur'an atau al-Sunnah merujuk kepada wujudnya makhluk halus ini pada kehidupan manusia. Kewujudan makhluk halus seperti jin ini dapat dilihat dengan jelas dalam al-Qur'an, Allah SWT berfirman:

*Terjemahannya: Dan (ingatlah peristiwa) semasa kami menghalakan satu rombongan jin datang kepadamu (wahai Muhammad) untuk mendengar al-Qur'an; setelah mereka menghadiri bacaannya, berkatalah (setengahnya kepada yang lain): "Diamlah kamu dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya!" kemudian setelah selesai bacaan itu, kembalilah mereka kepada kaumnya (menyiarkan ajaran al-Qur'an itu dengan) memberi peringatan dan amaran.*

(Al-Ahqaf: 29)

Begitu juga yang terdapat kisah yang terdapat di dalam hadis bahawa Rasulullah SAW telah bertemu dengan masyarakat jin untuk menjelaskan ayat-ayat al-Qur'an. Hadis daripada Ibnu Abi Hatim yang diriwayatkan daripada Mujahid menceritakan Nabi Muhammad SAW telah bertemu dengan masyarakat jin untuk berdakwah. Imam al-Suyuti menyebut dalam kitabnya *Luqat al-Marjan fi Ahkam al-Jan* (al-Suyuthi, 1998: 67-68) mengenai kisah yang diriwayatkan oleh al-Thabrani dan Abu Nu'aim daripada Ibn Mas'ud. Kisah ini juga diriwayatkan oleh Imam Muslim (Muslim (2010), Kitab al-Solat, Bab al-Jahri Bil Qira'at Fi Subhi Wal Qira'at ala Jin, No. Hadis: 450, Jil.1: 332).

Namun begitu, kepercayaan kepada jin ini telah menyeleweng dalam kalangan orang Bajau. Menurut sesetengah orang Bajau, pemeliharaan jin dibolehkan dalam Islam dengan syarat ia bertujuan untuk kebaikan dan hanya meminta pertolongan dengan jin Islam (Temu bual bersama Encik Yusuf Kassim, 4 Oktober 2014). Bagi mereka khususnya golongan bomoh (*kelamat*), jin Islam ini hanya bertujuan menolong ke arah kebaikan untuk menentang sebarang perlakuan yang dikaitkan dengan jin kafir. Kenyataan ini sebenarnya menyeleweng dan tidak benar. Perkara ini jelas bercanggah dengan firman Allah SWT:

*Terjemahannya: “Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat”.*

(Al-Jin:6)

Dalam ayat di atas, jelas bahawa tidak dapat dinafikan bahawa makhluk jin ini mampu menjadi pelindung manusia. Namun, dalam ayat di atas juga disertakan akibat daripada meminta pertolongan kepada makhluk jin yang akan mengakibatkan manusia menerima kesan buruknya. Hal ini dipertegasakan oleh Allah SWT dalam firmanNya.

*Terjemahannya: “Dan demikianlah kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi itu musuh dari syaitan-syaitan manusia dan jin, setengahnya membisikkan kepada setengahnya yang lain kata-kata dusta yang indah-indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya. Dan jika tuhanmu menghendaki, tentulah mereka tidak melakukannya. Oleh itu, biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan (dari perbuatan yang kufur dan dusta) itu”.*

(Al-An‘am:12)

Selain itu, dalam tafsir al-Tabari, Imam Tabari (t.t:52) ada menyatakan bahawa bersahabat dengan jin adalah haram. Hal ini kerana mereka adalah golongan yang melakukan kejahatan kepada Allah SWT dan berusaha menggoda manusia untuk melakukan kejahatan agar jiwa dan nafsu manusia suka kepada dunia sehingga melupai Allah SWT (Tantawi, 1931:178). Justeru, kalau manusia memohon pertolongan jin, maka bertambah kesesatan mereka (Hasanin, 1956:91).

Ringkasnya, makhluk jin itu memang wujud dan wajib dipercayai seperti yang terdapat di dalam al-Qur’an. Tidak mempercayai ayat al-Qur’an boleh membawa kepada kerosakan aqidah. Namun, perlu ditingkatkan, masyarakat Bajau harus memperbetulkan fahaman mereka terhadap kepercayaan kepada jin. Seperti yang dijelaskan dalam ayat-ayat di atas, sesungguhnya perbuatan meminta pertolongan dengan jin sama ada jin kafir atau Islam adalah perbuatan yang salah dan boleh menambahkan dosa dan kesalahan manusia. Ini kerana jin merupakan seburuk-buruk teman.

## ii. Kepercayaan Kepada Bomoh atau *Kelamat*

Dalam masyarakat Bajau, dukun tempatan atau bomoh sangat berpengaruh dalam kehidupan mereka (Yap Beng Liang, 1993:144). Ini kerana, dikatakan mereka mampu mengubati mangsa perlakuan jin. Sebenarnya, kepercayaan kepada bomoh ini bukan hanya kedengaran dalam kalangan orang Bajau sahaja, tetapi dalam sejarah Islam sendiri pun, ia telah lama bertapak. Nabi Muhammad SAW mendapati dalam kalangan masyarakat Arab pada zaman baginda terdapat sekelompok manusia tukang dusta yang disebut *kuhhan* (dukun) dan *‘arraf* (tukang ramal). Mereka mengaku dapat mengetahui perkara ghaib untuk masa lepas ataupun akan datang dengan cara mengadakan hubungan dengan jin dan sebagainya (Zaharuddin, 2008: 135).

Justeru, Rasulullah SAW kemudian mengisytiharkan perang kepada mereka yang membuat sebarang dakwaan dusta yang tidak berlandaskan ilmu, petunjuk mahupun dalil syarak. Rasulullah SAW membacakan kepada mereka wahyu Allah iaitu:

*Terjemahannya: "Katakanlah lagi: tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati)".*

(Al-Naml: 65)

Berdasarkan ayat tersebut, bukan malaikat, atau jin dan manusia yang mengetahui perkara ghaib. Rasulullah SAW juga menegaskan tentang dirinya dengan perintah Allah SWT sebagai berikut:

*Terjemahannya: "Katakanlah: "Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (pesuruh Allah) yang memberi amaran (bagi orang-orang yang ingkar) dan membawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman".*

(Al-A'raf: 188)

Dalam ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa sesiapa yang mendakwa dirinya mampu mengetahui perkara ghaib, maka ia telah mendustakan kata-kata Allah SWT, mendustakan hakikat sebenar dan mendustakan manusia. Tetapi realitinya hari ini, dukun atau bomoh sama ada dalam kalangan orang Bajau atau orang Melayu sering mendakwa diri mereka arif dalam perkara ghaib. Sedangkan mereka sendiri tidak mengetahui perkara ghaib tersebut hatta jin sekali pun. Ini dapat dilihat dalam kisah sahih dalam al-Qur'an yang mana jin Nabi Sulaiman AS sendiri tidak mengetahui tentang kewafatan Baginda. Allah SWT berfirman:

*Terjemahannya: Setelah kami tetapkan berlakunya kematian Nabi Sulaiman, tidak ada yang menunjukkan kepada mereka tentang kematiannya melainkan semut putih (anai-anai) yang telah memakan tongkatnya. maka apabila ia tumbang, ternyata kepada golongan jin itu, bahawa kalaulah mereka sedia, mengetahui perkara yang ghaib nescaya mereka tidak tinggal sedemikian lamanya di dalam azab (kerja berat) yang menghina.*

(Saba: 14)

Allah SWT menceritakan dalam al-Qur'an bahawa jin dikerah untuk membuat kerja pembinaan bangunan dan benda yang dikehendaki Baginda AS (Surah Saba, ayat: 12-13). Namun, para jin yang berkerja keras atas perintah Nabi Sulaiman AS tidak mengetahui bahawa Nabi Sulaiman AS telah meninggal dunia ketika sedang memantau pekerjaan mereka. Ketika bangunan yang dibina itu hampir siap, Allah SWT telah mengutuskan anai-anai untuk memakan tongkat Nabi Sulaiman AS. Setelah beberapa lama tongkat itu reput, maka jasad Baginda AS rebah dan pada waktu itulah para jin mengetahui raja mereka Nabi Sulaiman AS telah wafat (Ibnu Kathir, 2008: 362-363). Iktibar daripada kisah di atas dapat memperlihatkan kepada manusia bahawa jin nyata tidak dapat mengetahui perkara ghaib (Sayyid Qutb, 2002: 155) seperti yang dipercayai oleh bomoh dan dukun orang Bajau (*kelamat*).

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa ada sesetengah bomoh yang mampu mengetahui sedikit ilmu ghaib berhubung dengan perkara yang akan datang. Namun, harus diingati dakwaan tersebut hanya bersandarkan perkhbarian yang dibisikkan oleh jin yang mencuri dengar ucapan para malaikat. Lalu ucapan itu dicampuradukkan dengan kebohongan, kemudian manusia mempercayai ramalan bomoh tersebut. Hal Ini jelas berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari iaitu:

سأل رسول الله صلى الله عليه وسلم ناس عن الكهان فقال ليس بشيء فقالوا يا رسول الله أنهم يحدثوننا أحيانا بشيء فيكون حقا فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم تلك الكلمة من الحق يخطفها من الجن فيقرها في أذن وليه فيخلطون معها مائة كذبة

*Maksudnya: “Segolongan orang bertanya Rasulullah SAW tentang bertilik nasib. Sabda Baginda: “tidak ada kelebihan apa-apa”. Lalu mereka bertanya: wahai Rasulullah! Bukankah mereka kadang-kadang menceritakan kepada kita suatu perkara dan perkara yang diceritakan itu benar?. Rasulullah SAW menjawab: “Itulah kalimah yang benar, yang dicuri oleh syaitan lalu dicampakkan ke telinga pengikutnya, kemudian pengikutnya mencampur adukkan dengan seratus berita lain”.*

(Al-Bukhari (1999) Kitab al-Tibb, Bab al-Kihanah, No.Hadis: 5762, 1017)

Sebenarnya, jin hanya boleh mengetahui perkara ghaib sebelum turunnya al-Qur’an. Setelah turunnya al-Qur’an, mereka tidak mampu mencuri berita daripada langit. Hal ini jelas dalam firman Allah SWT:

*Terjemahannya: “Dan bahawa sesungguhnya kami telah berusaha mencari berita langit, lalu kami dapati langit itu penuh dengan pengawal yang sangat kuat kawalannya, dan (dengan rejaman) api yang menyala. Padahal sesungguhnya kami dahulu biasa menduduki tempat (perhentian) di langit untuk mendengar (percakapan penduduknya); maka sekarang sesiapa yang cuba mendengar, akan mendapati api menyala yang menunggu merejamnya”.*

(al-Jin: 8-9)

Oleh itu, masyarakat Bajau harus berwaspada dalam hal ini. Menggunakan khidmat bomoh adalah dilarang dalam Islam. Malah ia boleh dihukumkan syirik seperti yang terdapat dalam hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud:

من أتى كاهنا فصدقه بما يقول فقد كفر بما أنزل على محمد (صلى الله عليه وسلم)

*Maksudnya: “Barangsiapa yang mendatangi bomoh lalu ia mempercayai apa yang bomoh itu katakan, maka kafirlah ia terhadap apa yang Allah turunkan kepada Nabi Muhammad SAW.*

(Abu Daud, Kitab al-Kahanah Wa al-Tatayyur, No. Hadis: 3904)

Malah Nabi juga bersabda yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

من أتى عرافا فسأله عن شيء لم تقبل له صلاة أربعين ليلة

*Maksudnya: “Sesiapa yang menemui tukang tilik atau tukang tenung, lalu bertanya kepadanya sesuatu perkara maka tidak diterima solatnya selama empat puluh malam”.*

(Muslim (2010), Kitab al-Salam, Bab Tahrim al-Khihanah wa Ityan al-Kuhhan, No. Hadis: 2230, jil. 4: 48)

'*Arraf* dalam hadis di atas bermaksud orang yang mendakwa mengetahui perkara ghaib, atau dalam erti kata lain digelar sebagai tukang tilik. Apabila seseorang mempunyai masalah, lazimnya individu tersebut akan berjumpa tukang tilik lalu tukang tilik tersebut memberitahu perkara ghaib yang kononnya dia mengetahui. Perbuatan tukang tilik ini dilarang oleh Allah SWT kerana tiada sesiapa pun yang mengetahuinya kecuali Allah SWT sahaja hatta Rasulullah SAW sendiri tidak mengetahui perkara ghaib. Hal ini terbukti ketika Rasulullah SAW terkena sihir oleh Labid ibn al-A'sam. Jika Rasulullah SAW sendiri tidak mengetahui perkara ghaib seperti sihir yang berlaku ke atas baginda, mana mungkin orang biasa dapat mengetahuinya (Abu Mazaya, 2010:724).

Secara ringkasnya, mempercayai bomoh adalah dilarang dalam Islam. Ia bertentangan dengan konsep beriman kepada Allah SWT. Bomoh tidak lebih dari insan biasa yang hanya untuk menyesatkan manusia dan mengungkapkan perkhabaran dusta. Perkara ghaib merupakan milik Allah SWT yang tidak ada satu makhluk pun dapat mengetahuinya termasuklah Rasulullah SAW sendiri. Orang Bajau harus mempercayai perkara ghaib merupakan rahsia Allah SWT untuk hambanya yang beriman dan bertakwa kepadaNya. Penyelesaiannya dalam hal ini, jika orang Bajau khususnya mengalami sesuatu dugaan yang berhubung dengan perkara ghaib yang melibatkan bomoh, sebaiknya mereka menggunakan cara tertentu yang disyariatkan Islam. Antaranya berusaha dengan berdoa kepada Allah SWT sambil menyebut nama dan sifatNya, berdoa dan bertawakal kepada Allah dengan iman dan tauhid.

### iii. Kepercayaan kepada *Tulah*

*Tulah* secara mudahnya dapat difahami ialah balasan jahat yang luar biasa terhadap orang yang melanggar pantang larang (Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai 14 Mac 2013). Seolah-olah ia menjadi satu kawalan sosial yang menjadikan orang Bajau terutamanya generasi mudah takut untuk melakukan sesuatu yang dikhabarkan boleh mengundang kemarahan roh nenek moyang lalu menimpakan penyakit kepada mereka. Sebenarnya, kepercayaan kepada konsep *tulah* ini merupakan syirik dan berdosa besar.

Perkara ini kerana *tulah* dapat dikategorikan dalam hukum Islam sebagai *tatayyur* atau *tiyarah* (kepercayaan kepada sial majal). *Tatayyur* atau *tiyarah* berasal dari perkataan (الطَّيْرُ) bermaksud burung. Menurut kepercayaan orang Arab Jahiliah jika mereka akan mengadakan perjalanan maka mereka terlebih dahulu akan melepaskan burung. Jika burung tersebut terbang ke arah kanan rumah, maka mereka akan gembira tetapi jika sebaliknya terbang ke arah kiri maka mereka akan bersedih hati kerana itu petanda musibah akan menimpa dan mereka selanjutnya akan menanggungkan pemergian (Ibnu Qayyim, 1995: Jil.3: 268-269).

Mengambil sempena perbuatan inilah maka muncul istilah *tatayyur* atau *tiyarah* yang bermaksud menganggap sial kerana sesuatu. Islam melarang keras *tatayyur* atau *tiyarah*. Rasulullah SAW bersabda menerusi riwayat oleh Imam Abu Daud:

الطَّيْرَةُ شِرْكٌ ، الطَّيْرَةُ شِرْكٌ وما منا إلا ، ولكن الله يذهب بالتوكل

*Maksudnya: "Tiyarah itu Syirik, Tiyarah itu Syirik. dan setiap orang pasti (pernah terlintas dalam hatinya sesuatu dengan hal ini). Hanya Allah SWT saja yang mampu menghilangkannya dengan tawakkal kepadaNya."*  
(Abu Daud, Bab fi Tairah, No. Hadis:3910, jil.4: 17)

*Tiyarah* atau *tatayyur* atau 'sial majal' dalam akidah bukan hanya terbatas pada rasa sedih atau pesimis terhadap burung tetapi juga berkaitan dengan nama, ucapan, tempat dan orang yang tertentu. Justeru, pengkaji berpendapat, kepercayaan orang Bajau kepada pantang larang tertentu yang didakwa mesti diambil berat oleh generasi baharu kerana ia merupakan satu tegahan atau suruhan dari nenek moyang. Perkara ini disebabkan ia tergolong dalam *bab tiyarah* (kepercayaan kepada sial) dalam hukum Islam. Kepercayaan kepada *tulah* dihukumkan syirik bagi pengkaji kerana disebabkan kaedah *qiyas* kepada hukum *tiyarah*. 'Illah atau sebab sedemikian kerana 'illah yang sama pada kepercayaan sial majal iaitu

mengaitkan musibah yang menimpa kepada selain Allah SWT dan meyakini musibah berpunca daripada makhluk (nenek moyang) yang tidak sedikit pun memiliki kuasa mendatangkan manfaat atau mudarat.

*Tiyarah* sebenarnya penyakit yang muncul sejak zaman silam lagi. Allah SWT menerangkan orang kafir telah melakukan *tiyarah* terhadap manusia pilihan Allah daripada kalangan para rasul dan orang yang beriman. Firman Allah SWT:

*Terjemahannya: Penduduk bandar itu berkata pula: "Sesungguhnya kami merasa nahas dan malang dengan sebab kamu. (Yasin: 9)*

Begitu juga dengan Bani Israil. Allah SWT telah berfirman:

*Terjemahannya: "Dan Sesungguhnya Kami telah menimpakan Firaun dan kaumnya dengan musim kemarau dan kekurangan buah-buahan, supaya mereka insaf mengambil pelajaran. Kemudian apabila datang kepada mereka kesenangan mereka berkata: "Ini ialah hasil usaha kami", dan jika mereka ditimpa kesusahan, mereka mengatakan nahas dan malang itu disebabkan oleh Nabi Musa dan pengikut-pengikutnya. (Allah berfirman): ketahuilah, sesungguhnya nahas dan malang mereka itu hanya ditetapkan di sisi Allah, akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui".*

(al-A 'raf: 130-131)

Syaikh Muhammad ibn Salih al-'Uthaimin menyatakan pendapatnya bahawa *tatayyur* adalah menganggap sial atas apa yang dilihat seperti melihat sesuatu yang menakutkan dan menganggap ia membawa sial atau didengari atau yang diketahui (Yazid, 2009:478). Menurut beliau, *tatayyur* haram kerana menafikan tauhid dari dua segi. Pertama, orang yang percaya kepada sial majal tidak memiliki rasa tawakal kepada Allah dan sentiasa bergantung kepada selain Allah. Kedua, berpaling kepada Allah dan memberi tempat yang tinggi kepada kepercayaan karut marut dalam masyarakat. Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani telah menyatakan di dalam kitabnya yang terkenal iaitu *Fathul Bari* bahawa *tiyarah* dianggap syirik kerana iktikad manusia bahawa terdapat sesuatu perkara yang boleh memberi manfaat atau mudarat. Hal ini secara tidak langsung menyekutukan Allah SWT (Ibn Hajar, t.t: 134).

Oleh itu, Rasulullah SAW mengajar umatnya jika ditimpa perasaan takut kepada sesuatu seperti kepercayaan kepada *tulah*, maka jangan dihiraukan perasaan dan hendaklah seseorang itu segera berserah diri kepada Allah SWT dengan membaca doa seperti yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud:

اللهم لا يأتي بالحسنات إلا أنت، ولا يدفع السيئات إلا أنت، ولا حول ولا قوة إلا بك

*Maksudnya: "Ya Allah, tiada yang dapat mendatangkan kebaikan kecuali Engkau, dan tiada yang dapat menolak keburukan kecuali Engkau, dan tiada daya dan tiada kekuatan melainkan dengan izin Engkau".*

(Abu Daud, Bab fi Tairah, No. Hadis 3919, Jil.4: 18)

Jelaslah bahawa dalam isu kepercayaan kepada *tulah* ini, orang Bajau seharusnya tidak percaya bahawa sesuatu malapetaka atau penyakit disebabkan kemarahan oleh roh nenek moyang. Penyelesaian dalam isu ini, mereka wajib bergantung dan bertawakal kepada Allah SWT dan menolak kepercayaan kepada konsep *tulah* kerana ia boleh menjejaskan akidah atas faktor ia adalah syirik menurut perspektif hukum Islam. Dalam al-Qur'an, terdapat beberapa ayat yang menyeru kepada penggantungan kepada Allah SWT dan menolak kepercayaan terhadap selainnya bagi mendapat kebaikan dan menolak keburukan. Firman Allah SWT:



*Terjemahannya: "Katakanlah (kepada mereka): "Kalau demikian, Bagaimana fikiran kamu tentang yang kamu sembah yang lain dari Allah itu? jika Allah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, dapatkah mereka mengelakkan atau menghapuskan bahayanya itu; atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, dapatkah mereka menahan rahmatNya itu?" Katakanlah lagi: "Cukuplah bagiku: Allah (yang menolong dan memeliharaaku); kepadaNya lah hendaknya berserah orang yang mahu berserah diri".*

(Al-Zumar: 38)

Ayat di atas memperlihatkan konsep tawakal kepada Allah SWT dalam semua keadaan. Sebagai seorang Muslim yang beriman lagi taat, orang Bajau mestilah mempercayai segala kebaikan dan kejahatan adalah dari Allah SWT. Allah SWT yang maha berkuasa memungkinkan sesuatu sama ada memberi nikmat atau mudarat berupa malapetaka atau pun penyakit.

#### **iv. Kepercayaan Kepada *Magombbo*'**

Orang Bajau juga percaya kepada roh nenek moyang (*ombo*'). Mereka beranggapan bahawa jika seseorang telah meninggal dunia, tidak mustahil roh mereka akan kembali ke alam dunia untuk melihat gerak-geri generasi baharu. Jika generasi baharu ini melanggar sesuatu adat yang dikatakan boleh mendatangkan kemarahan roh nenek moyang ini, maka sesuatu perkara pelik akan berlaku seperti penyakit, malapetaka dan sebagainya (Yap Beng Liang, 1985:76). Apabila penyakit dan malapetaka ini berlaku, masyarakat Bajau akan mengadakan upacara *magombbo*' (memuja roh nenek moyang). Sebenarnya kepercayaan roh boleh kembali ke dunia merupakan satu dakwaan yang salah dan menyimpang dari ajaran Islam. Hal ini diterangkan dengan jelas dalam firman Allah SWT:

*Terjemahannya: "Supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan". Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang ia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat)".*

(Al-Mu'minin: 100)

Maksud firman Allah SWT di atas ialah mereka yang telah mati mempunyai kehidupan baharu, yang dipanggil alam *barzakh*. Kehidupan di alam *barzakh* membatasi antara dunia dan akhirat. *Barzakh* itu sendiri bermaksud pemisah atau penghalang iaitu seumpama sebuah tembok kukuh yang memisahkan dua alam (Ibn Qayyim, 1990:20). Hal ini bererti, dakwaan orang Bajau bahawa roh nenek moyang boleh kembali ke dunia ini adalah salah. Aspek ini ditegaskan dalam ayat lain sebagai menyokong ayat di atas seperti dalam kalamNya:

*Terjemahannya: "Allah (yang menguasai segala-galanya), ia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya, jiwa orang yang sampai ajalnya semasa matinya, dan jiwa orang yang tidak mati: Dalam masa tidurnya; kemudian ia menahan jiwa orang yang ia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (ke badannya) sehingga sampai ajalnya yang ditentukan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir (untuk memahaminya)".*

(Al-Zumar: 42)

Dalil Naqli di atas turut disokong oleh dalil Aqli. Sekiranya roh orang yang telah mati itu boleh kembali ke dunia dan boleh melakukan pelbagai perkara, sudah tentu orang yang telah meninggal itu seolah-olahnya mereka bebas ke sana ke mari. Oleh itu, perlu diyakini bahawa roh si mati tidak boleh kembali untuk menziarahi keluarganya, rumahnya atau lainnya.

Berhubung dengan isu *magombbo*<sup>7</sup>, terdapat satu kepercayaan dalam masyarakat Bajau bahawa roh nenek moyang ini mampu memberi manfaat (kesejahteraan) atau mudarat kepada generasi akan datang. Perkara ini merupakan dakwaan yang sesat dan menyeleweng. Hakikatnya, tidak ada makhluk lain di muka bumi ini mampu memberi kesejahteraan ataupun mudarat tanpa izin Allah SWT. Namun tidak dinafikan bahawa jin atau syaitan yang menyamar sebagai roh nenek moyang ini mampu memberi mudarat kepada manusia dengan izin Allah SWT. Allah SWT berfirman:

*Terjemahannya: Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba kami: Nabi Ayyub ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: " Sesungguhnya aku diganggu oleh syaitan dengan (hasutannya semasa aku ditimpa) kesusahan dan azab siksa (penyakit)".*

(Sad: 41)

Dalam ayat di atas jelas menyatakan kisah Nabi Ayyub AS menghadapi penyakit fizikal yang dahsyat ketika itu adalah berpunca daripada sentuhan atau penangan syaitan. Dalam ayat yang lain juga, terdapat beberapa istilah yang jelas menyebut bahawa makhluk halus ini berupaya menyakiti manusia dengan pelbagai perlakuan sehingga menyebabkan manusia menderita kesakitan. Firman Allah SWT:

*Terjemahannya: Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka hendaklah engkau meminta perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.*

(Fussilat: 36)

Istilah *nazghun* ( نَزَغٌ ) dalam ayat tersebut diterjemahkan dengan makna ditikam dengan tangan, ditumbuk atau ditendang. Dalam tafsir *al-Qurtubi*, beliau menjelaskan istilah *nazghun* نَزَغٌ tersebut sebagai menendang, merasuk atau mencederakan seseorang (Al-Qurtubi, 2006). Firman Allah SWT:

*Terjemahannya: Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu.*

(Al-Baqarah: 275)

Istilah *al-Takhabbut* daripada perkataan dalam ayat tersebut ditafsirkan dengan makna mencekik, menyakiti hingga meraung kesakitan. Dalam sebuah hadis sahih yang menyebut fenomena *al-sar'* maksudnya syaitan menjadi penyebab berlakunya kecederaan kepada manusia seperti kesakitan, hilang akal, kebisingan yang melampau dan sebagainya. Manakala dalam surah al-Mujadalah ayat 19, Allah SWT menggunakan perkataan *istahwaza*:

*Terjemahannya: "Syaitan telah menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati (ajaran dan amaran) Allah; mereka itulah puak syaitan. Ketahuilah! Bahawa puak syaitan itu sebenarnya orang yang rugi".*

Perkataan *istihwaz* daripada *istahwaza* bermaksud syaitan boleh menguasai dan mengalahkan manusia sehingga mereka tidak sedarkan diri atau lupa segala-galanya. Dalam satu peristiwa lain, bahawa Sahabat Uthman b. Abi al-As telah diganggu oleh syaitan dan nabi Muhammad SAW telah membantu beliau dengan menepuk-nepuk dada serta meludah dalam mulut beliau. (Ibn Majah, Kitab al-Tibb, Bab al-Faza'I Wal araki Wama Yuta'auwazu Minhu, No. Hadis: 3548).

Daripada kisah dan ayat yang ditunjukkan di atas, jelas bahawa terdapat sebahagian penyakit boleh dicetuskan oleh syaitan ke atas manusia. Begitu juga penyakit yang didakwa dihidapi oleh masyarakat Bajau akibat melanggar pantang nenek moyang. Penyakit yang dihidapi mereka bukannya disebabkan roh nenek moyang mereka yang memberi mudarat, tetapi jin yang menyamar sebagai nenek moyang mereka

dengan izin Allah SWT bagi tujuan untuk menyesatkan manusia agar mempercayai sesuatu selain daripada Allah SWT. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, roh orang yang telah meninggal dunia tidak mungkin kembali ke dunia kerana roh orang yang telah mati akan berada di alam *barzakh* sehingga dibangunkan semula pada hari kiamat.

Pada pendapat pengkaji, dakwaan bahawa dalam upacara *magombbo*, terdapat roh nenek moyang yang akan masuk ke badan seseorang dan menegur generasi baharu yang melakukan kesalahan bukanlah roh nenek moyang, tetapi sejenis makhluk yang diistilahkan oleh al-Qur'an sebagai *qarin*. Firman Allah SWT:

*Terjemahannya: Dan Kami adakan untuk mereka teman rapat (dari jin dan manusia), lalu teman itu memperhiaskan kepada mereka (fahaman sesat) mengenai perkara dunia yang ada di hadapan mereka, serta perkara akhirat yang ada di belakang mereka; dan (dengan sebab itu) tetaplah hukuman (azab) atas mereka bersama-sama dengan umat umat (yang sesat) dari jin dan manusia yang terdahulu daripada mereka. Sesungguhnya mereka semuanya adalah golongan yang rugi (bawaan hidupnya).*

(Fussilat: 25)

Ayat ini merujuk tentang kewujudan makhluk halus yang dipanggil *qarin* atau *qurana* (jin yang menjadi sahabat baik kepada manusia). Ayat lain yang berkaitan tentang *qarin* ialah seperti dalam surah *al-Saffat* ayat 51, surah *al-Zukruf* ayat 38, surah *Qaf* ayat 23 dan beberapa ayat yang lain. Istilah *qarin* berbeza dengan *ifrit*, jin, syaitan dan sebagainya. Hal ini kerana *qarin* dirujuk sebagai makhluk halus yang berdampingan dengan manusia sehingga menjadi kawan rapat yang boleh memberi bantuan. Inilah *qarin*. Walaupun manusia telah mati, jin masih boleh menyerupai mereka untuk menyesatkan manusia dan merosakkan aqidah manusia.

Kesimpulannya, upacara *magombbo* merupakan upacara yang jauh menyeleweng dengan akidah Islam. Malah, amalan tradisi ini boleh dihukumkan syirik kerana mempercayai sesuatu kuasa yang mampu memberi manfaat atau mudarat kepada manusia selain daripada Allah SWT. Bagi orang Bajau yang masih mengamalkan amalan tradisi ini, harus diingati perbuatan syirik merupakan dosa besar yang tidak diampuni oleh Allah SWT di akhirat kelak. Perkara ini dinyatakan dalam firman Allah SWT:

*Terjemahannya: “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar”.*

(Al-Nisa': 48)

#### v. Kepercayaan Kepada Ilmu Sihir dan Magik

Lazimnya, dalam kalangan masyarakat Bajau Semporna, mereka mengamalkan ilmu sihir dan ilmu hitam untuk melindungi diri mereka. Dalam syariat Islam, penggunaan ilmu sihir atau ilmu hitam adalah diharamkan walaupun untuk tujuan kebaikan atau kebajikan. Al-Qur'an pernah menyebut tentang orang yang belajar ilmu sihir sebagaimana firman Allah SWT:

*Terjemahannya: “Sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telahpun mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat. Demi sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui”.*

(Al-Baqarah: 102)

Ayat yang disebutkan di atas jelas menunjukkan bahawa sihir itu sememangnya wujud dan berlaku pada zaman Nabi Musa AS dan di hadapan Nabi Sulaiman AS. Perbuatan sihir tersebut boleh mempengaruhi manusia sehingga mereka tercengang kehairanan. Malah, perasaan takjub menguasai diri sehingga menimbulkan rasa percaya dan hebat atas ilmu sihir yang dimiliki seseorang. Ayat tersebut juga jelas menunjukkan bahawa ilmu sihir tidak memberikan sebarang kegunaan, tiada manfaat kepada manusia. Ilmu ini mengundang kemudaratan yang amat besar iaitu syirik kepada Allah SWT kerana mereka terpaksa melakukan penyembahan kepada syaitan. Ilmu ini haram dipelajari dan tidak boleh diamalkan kerana boleh menyebabkan kerosakan kepada manusia (Yusuf al-Qaradawi, 2009:198).

Sehubungan itu, Rasulullah SAW juga menilai sihir sebagai salah satu daripada dosa besar yang boleh merosak dan menghancurkan sesuatu bangsa. Hal ni kerana ia mampu mengakibatkan seseorang mendapat kecelakaan. Justeru, Nabi bersabda yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari:

اجتنبوا السبع الموبقات قالوا يا رسول الله، وما هن؟ قال الشرك بالله، والسحر، وقتل النفس التي حرم الله إلا بالحق، وأكل الربا، وأكل مال اليتيم، والتولى يوم الزحف، وقذف المحصنات المؤمنات الغالفات

*Maksudnya: “Jauhilah olehmu tujuh perkara yang mencelakakan! Sahabat bertanya: Apakah itu ya Rasulullah? Baginda menjawab: Menyekutukan Allah, mensihir atau percaya kepadanya, membunuh jiwa yang dilarang kecuali dengan ahak, makan harta anak yatim, makan atau menjalankan riba, lari dari medan pertempuran dan menuduh wanita-wanita mukmin yang memelihara kehormatannya”.*

(al-Bukhari (1980), Kitab al-Wisoyah, Bab Qaulullah Ta’ala Innallazi amanu ya’kuluna amwalal yatima zuluman, No. hadis:2766, Jil.2, 295)

Para ulama berpendapat bahawa ilmu sihir adalah suatu bentuk kekufuran dan dapat mengheret manusia ke dalam kekufuran. Bahkan tukang sihir mesti dibunuh untuk melindungi masyarakat. Dalam al-Qur’an, Allah SWT memberikan suatu cara untuk berlindung dari tukang sihir. Allah SWT berfirman:

*Terjemahannya: “Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan)”.*

( al-Falaq: 4)

Meniup *buhul* merupakan ciri khas yang lazimnya tukang sihir lakukan dan ia cara yang popular bagi tukang sihir. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa’i daripada Abu Hurairah Ra:

من عقد عقدة ثم نفث فيها فقد سحر ومن سحر فقد أشرك

*Maksudnya: “Sesiapa yang menyimpulkan ikatan (benang) dan meniupnya (menjampi memanterakan untuk sesuatu tujuan jahat), maka sesungguhnya dia telah melakukan sihir. Sesiapa yang melakukan sihir, maka dia telah menyirikkan Allah”.*

(al-Nasa’i (1988) Kitab Tahrim al-Dam, Bab al-Hukm fi al-Sihr, No. Hadis: 4090, Jil.7, 128)

Keharaman ini berlaku bukan hanya terhad kepada tukang sihir sahaja, tetapi juga merangkumi orang yang menyakini, mengusulkan, dan mempercayai apa yang dicakapkan oleh tukang sihir. Keharaman ini bertambah berat dosanya jika sihir ini digunakan untuk sesuatu yang jahat, seperti cuba mencederakan seseorang atau membinasakannya.

Walau bagaimanapun, dalam isu sihir ini, timbul persoalan yang menjadi tanda tanya dalam kalangan orang Bajau. Apakah hukum mengubati orang yang terkena sihir dengan melakukan pengobatan sihir atau dengan kata lain, sihir melawan sihir? Perkara ini kerana, orang Bajau beranggapan sihir ini dibolehkan jika untuk melawan kuasa sihir orang jahat yang menggunakan khidmat bantuan jin kafir. Atas desakan ini, mereka mendakwa dibolehkan meminta pertolongan kuasa jin Islam untuk melawan kembali sihir yang dilakukan atas pertolongan jin kafir. Sebenarnya, ini merupakan dakwaan yang salah.

Menggunakan sihir untuk mengubati sihir diistilahkan dalam Syarak sebagai *al-nusyrah* yang bermaksud mengubati sihir dengan sihir. Ia tetap diharamkan dan ditegah dalam Islam kerana amalan ini tetap mempunyai asas yang kukuh iaitu Syirik walaupun berniat untuk kebaikan seperti ingin pulih daripada penyakit tertentu. Ini berdasarkan hadis Jabir ‘Abd Allah yang diriwayatkan Abu Daud:

سئل رسول الله صلى الله عليه وسلم عن النشرة فقال هو من عمل الشيطان

*Maksudnya: Rasulullah SAW ditanya tentang hukum al-nusyrah, maka Rasulullah SAW menjawab: bahawa perbuatan itu merupakan perkerjaan daripada syaitan.*

(Abu Daud (2008), Kitab al-Tibb, Bab fi Nasyrah no. hadis: 3868, 695).

Hadis ini jelas menyatakan haram hukumnya pengobatan sihir dengan sihir. Cara lain selain daripada menggunakan khidmat ahli sihir hendaklah difikirkan. Jika diketahui orang tersebut ahli sihir, lalu diminta untuk menggunakan khidmatnya, secara tidak langsung dikira bersubahat dengan ilmu yang dilarang dalam Islam. Berhubung dengan amalan orang Bajau yang mengamalkan ilmu-ilmu tertentu seperti ilmu kebal, ilmu pengasih, ilmu pukau dan sebagainya, Islam melarang keras amalan ini walaupun kelihatan alasan yang diberikan adalah munasabah seperti ingin melindungi diri dan mengelakkan daripada kekejaman orang. Islam tetap menghukumkan haram kepada sesiapa yang mengamalkannya. Hal ini kerana, kebiasaannya, dalam mempelajari ilmu kebal, lazimnya pengamal tersebut akan menggunakan mantera tertentu, jampi serapah atau tangkal tertentu. Ini jelas pengharamannya seperti dalam hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan Abu Dawud:

إن الرقى والتمايم والتولة شرك

*Maksudnya: “Sesungguhnya jampi mantera (yang tidak Islami) dan tangkal-tangkal serta ilmu pengasih adalah syirik.*

(Ibn Majah (2008), Kitab al-Tibb, Bab Ta’liq al-Tamaim, no. Hadis: 3883, Jil. 10, 386)

Dalam hadis di atas jelas menyatakan bahawa tangkal atau istilah asalnya *tamimah* atau *tama'im* adalah satu cara manusia untuk dijadikan azimat. Biasanya, ia dilakukan dengan cara menggunakan benang atau tali dan dipakai di leher, pinggang, tangan, atau anggota lain untuk dijadikan sebagai pelindung yang didakwa mampu menjadi kebal, pukau dan pengasih. Secara tidak langsung, hakikatnya penggunaan tangkal ini cuba mempercayai benda pelindung tersebut mempunyai kuasa yang mampu melindungi mereka selain daripada Allah SWT. Selain itu, terdapat dalil Aqli yang menyokong kepada pengharaman ilmu hitam seperti ilmu pengasih, dan ilmu kebal umpamanya. Jika ia dibolehkan dalam syariat, Islam sudah pasti menyuruh umatnya untuk mempelajari dan mengamalkannya. Sudah tentu juga Rasulullah SAW mengharuskannya dan mengamalkannya ketika berperang dengan musuh Allah pada ketika itu. Hakikatnya Rasulullah SAW mengalami kecederaan yang teruk dan luka ketika berperang atau dalam menghadapi dugaan bagi menyebarkan Islam. Jelaslah bahawa ilmu sihir haram untuk dipelajari mahupun untuk diamalkan. Alasan orang Bajau untuk mempelajari ilmu ini atas alasan desakan ekonomi atau politik pada

zaman penjajah adalah tidak berasas. Perkara ini kerana matlamat tidak akan menghalalkan cara. Sihir tetap tergolong dalam dosa besar yang dapat menjadikan pelakunya hina di dunia dan akhirat.

## Kesimpulan

Secara umumnya, masyarakat Bajau mempunyai pegangan yang baik terhadap agama Islam. Walau bagaimana pun, mereka masih berpegang kuat kepada amalan tradisi sehingga ke hari ini. Kedua-dua aspek ini dianggap sama penting dan diamalkan secara selari demi kelangsungan hidup bermasyarakat. Namun begitu, secara tidak langsung sebenarnya wujud konflik antara tuntutan ajaran Islam dan amalan tradisi yang diamalkan orang Bajau Semporna di Sabah. Pelbagai amalan tradisi yang diwarisi dari generasi ke generasi memperlihatkan ketidak selarian dengan panduan syariat. Hal ini kerana wujudnya unsur tahyul dan khurafat, bid'ah di samping elemen Syirik yang jelas dalam amalan mereka. Berasaskan unsur negatif ini, masyarakat Bajau wajar meninggalkan segala amalan yang bertentangan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia disebabkan boleh memberi kesan negatif terhadap pegangan akidah yang tulen dan keimanan yang benar seorang Muslim.

## Rujukan

- Abdul Latif Muda. (2012). *Pengantar Usul Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Abu Daud Sulaiman b. 'As 'atal-Sijistani. (t.t). *Sunan Abu Daud*. Beirut: Maktabah 'Asriyah,
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (1988). *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah wa Syai'un min Fiqiha wa Fawaaidaha*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il. (1999). *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam Lil Nasyri wa al-Tauzi'.
- Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qusayri al-Naysaburi. (2010). *Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al- Hadith.
- Al-Jurjani, 'Ali b. Muhammad. (1405). *Kitab al-Ta'rifat* Beirut: Dar Kitab Al-Arabi.
- Al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad ibn Syu'ayb. (1988). *Sunan al-Nasa'i*. Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Al-Nasafi, 'Abd Allah ibn Ahmad. (1996). *Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Al-Qazwayni, Abu Abdillah Muhammad bin Yazid bin Majah. (1975). *Sunan Ibn Majah*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakri. (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Sajastani, Abu Dawud Sulayman ibn al-Asy'ath. (2008). *Sunan Abi Dawud*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif Lil Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. (1998). *Laqat al-Marjan fi Ahkam al-Jaan*. Kaherah: Maktabah Al-Quran.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. (2003). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tabari. (t.t). *Tafsir al-Tabari*. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2010). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ali Hasan al-Halabi. (t.t). *Miftah Daaris Sa'adah*. t.tp: Daar Ibn Affan.
- Abu Mazaya al-Hafiz. (2010). *Sirah dan Riwayat Hidup Nabi Muhammad SAW*. Selangor: al-Hidayah Publications.
- Al-Asqalani, Ahmad ibn Hajar. (t.t). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al- Bukhari*. Mesir: t.t.p.
- Al-Nawawi. (t.t). *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, ed. 'Abd Allah Ahmad Abu Zinah. Kaherah: Dar al-Sh'ab,
- Halina Sendera Mohd Yakin. (2013). Cosmology and World-View Among the Bajau: The Supernatural Beliefs and Cultural Beliefs and Cultural Evolution. *Mediterranean Journal of Social Science*, 4 (9),184-192.
- Haron Din. (2009). *Menjawab Persoalan Makhhluk Halus, Kaitannya Dengan Penyakit dan Pengubatan*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa') & Koperasi Darussyifa'.
- Hasanin Muhammad Makhluaf. (1956). *Tafsir al-Qur'an al-Karim*. T.t.p: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibnu Kathir, Isma'il Ibn `Umar . *Tafsir Ibnu Kathir*, M. Abd. Ghoffar E.M., Abdul Rahim Mu'thi, Abu Ihsan Al-Atsari (terj.), Bogor : Pustaka Imam As-Syafie, 2008.
- Ibn Majah, Abu 'Abdillah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 1975.
- Ibnu Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Makram. (1956). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Qayyim. (2008) *Kitab al-Ruh*. Indiana University: Dar al-Taqwa.

- Tulah. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=tulah>. Dicapai 14 Mac 2013.
- Sayyid Qutb, *Tashwir al-Fanni Fi al-Qur'an* (Kaherah: Dar al-Syuruq, 2002)
- Syamsul Azizul Marinsah. (2013). *Amalan Tradisi Dalam Masyarakat Bajau di Semporna Sabah: Analisis Dari Perspektif 'Urf Dalam Hukum Islam*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Tantawi Jawhari. (1350). *Tafsir al-Jawahir*. t.tp: Mustafa al- Babi al-Halabi.
- Temu bual Tuan Hj. Kassim bin Dasaim pada 4 Oktober 2014 di Kg. Gallam-Gallam, Pulau Bum-Bum, Semporna, Sabah.
- Temu bual Encik Yusuf bin Kassim pada 4 Oktober 2014 di Kg. Gallam-Gallam, Pulau Bum-Bum, Semporna, Sabah.
- Yap Beng Liang. (1977). *Orang Bajau Pulau Omadal, Sabah: Satu Kajian Tentang Sistem Budaya*” (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Yap Beng Liang. (1985). *The Traditional World –View of the Indigenous Peoples of Sabah*. Dlm. Mohd Taib Osman (pnyt.), *Malaysian World View: (76-130)*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Yap Beng Liang. (1993). *Orang Bajau Pulau Omadal: Aspek-Aspek Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yazid b. ‘Abdul Qadir Jawwas. (2009). *Syarah Aqidah Ahlus Sunnah wal Jema'h*. Bogor: Pustaka Imam Syafie.
- Yusuf al-Qaradawi. (2009). *Halal dan Haram Menurut Perspektif Islam*, terj. Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa.
- Zaharuddin Abdul Rahman. (2008). *Formula Solat Sempurna*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Zahazan Mohamed. (2012). *Himpunan Kisah Benar Tapi Pelik*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.